



27 Disember 2016  
27 December 2016  
P.U. (A) 368

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2016

### *GOODS AND SERVICES TAX (AMENDMENT) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014**

**PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN  
(PINDAAN) 2016**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 177 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pindaan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

**Pindaan peraturan 39**

2. Peraturan-Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [P.U. (A) 190/2014], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 39(4)—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “input tax” dengan perkataan “cukai input”;

(b) dengan menggantikan perkataan “subperaturan (1)” dengan perkataan “perenggan (2)(d)”; dan

(c) dengan memotong perkataan “baki”.

**Pindaan peraturan 40**

3. Subperaturan 40(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (e) dengan perenggan yang berikut:

“(e) penyediaan apa-apa pembiayaan pinjaman, pendahuluan atau kemudahan yang serupa kepada pekerjaan atau antara orang yang mempunyai kaitan;”.

**Pemotongan peraturan 42**

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 42.

**Pindaan peraturan 46**

5. Peraturan 46 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “dia mula didaftarkan, atau dikehendaki untuk berdaftar” dengan perkataan “dia didaftarkan”; dan
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “dia mula didaftarkan, atau dikehendaki untuk berdaftar” dengan perkataan “dia didaftarkan”.

**Pindaan peraturan 47**

6. Subperaturan 47(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “; atau” dengan noktah; dan
- (c) dengan memotong perenggan (c).

**Pindaan peraturan 59**

7. Subperaturan 59(8) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Bahagian VI” dengan perkataan “peraturan 37, 39 dan 43”.

**Pindaan peraturan 60**

8. Subperaturan 60(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Bahagian VI” dengan perkataan “peraturan 37, 39 dan 43”.

**Pindaan peraturan 62**

9. Peraturan 62 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Peraturan ini tidak terpakai bagi orang yang disebut dalam perenggan 72(1)(b).”.

**Pindaan peraturan 82**

10. Perenggan 82(c) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perkataan “minuman keras, tembakau, produk tembakau,”.

**Pindaan peraturan 84**

11. Peraturan 84 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perenggan (a) dan (b).

**Pindaan Jadual Pertama**

12. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (j) perenggan yang berikut:

“(k) Malaysian Industrial Development Finance Berhad”.

**Pindaan Jadual Kedua**

13. Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (h) perenggan yang berikut:

“(i) Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Kedah”.

**Pindaan Jadual Keempat**

14. Jadual Keempat kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) berhubung dengan Teluk Intan, dalam ruang Daerah yang Dikhidmati—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Perak Hilir” dengan perkataan “Hilir Perak”; dan
  - (ii) dengan memasukkan sebelum perkataan “Sabak Bernam” perkataan “Muallim”; dan
- (b) berhubung dengan Kuala Terengganu, dalam ruang Daerah yang Dikhidmati, dengan memasukkan selepas perkataan “Setiu” perkataan “Kuala Nerus”.

**Peruntukan peralihan**

15. (1) Apa-apa cukai input yang ditanggung oleh mana-mana orang berdaftar sebelum atau selepas tarikh kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini berhubung dengan pembekalan tanah untuk kegunaan am boleh dituntut dengan syarat—

- (a) kebenaran merancang telah diberikan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan sebelum tarikh kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini;
- (b) suatu perakuan yang ditandatangani oleh mana-mana orang yang diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang memperakukan bahawa nilai kerja pembangunan telah disiapkan tidak kurang dari sepuluh peratus dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh kebenaran merancang diberikan diperoleh; dan
- (c) amaun cukai input yang boleh dituntut di bawah seksyen 38 dan 39 Akta ditanggung dalam tempoh tiga puluh enam bulan dari tarikh kebenaran merancang diluluskan.

(2) Bagi maksud peraturan ini, “kegunaan am” ertiinya penggunaan tanah bagi maksud tanah perkuburan, taman permainan atau bangunan keagamaan.